

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Wednesday, 5 October, 2016 4:45 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: ALUMNI PPA CAS BANTU PROMOSI DISCOVER UUM 2016



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia



5 OKTOBER 2016 / 4 MUHARRAM 1438H

=====
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum wbt. & Salam Sejahtera.

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan,

ALUMNI PPA CAS BANTU PROMOSI DISCOVER UUM 2016



PPACAS ONLINE: Seramai 104 orang guru-guru dari Phimanphitthayasan School, Thailand telah melawat UUM baru-baru ini. Rombongan ini dibawa oleh Syarikat Aifar Tours and Vacations Sdn. Bhd. yang juga dimiliki oleh alumni PPA CAS UUM, Saudara Mohd Fuad Abdul Rahman.

Mohd Fuad yang merupakan graduan Sarjana Muda Komunikasi 2004 rasa terpanggil untuk turut memasukkan UUM sebagai salah satu destinasi lawatan akademik yang beliau usahakan. “Ini merupakan sebahagian daripada sumbangan kepada ‘*alma mater*’ saya yang banyak membantu membangunkan karakteristik diri saya sebagai usahawan. Saya mula berniaga sejak saya di UUM lagi dengan mengusahakan perkhidmatan *Photostat Hop-in* dalam kampus”.

“Syarikat Aifar Tours and Vacations Sdn Bhd yang saya usahakan sejak lima tahun lalu memberi fokus kepada pelancongan akademik bagi destinasi dalam dan luar negara termasuk Thailand, Singapura, dan Australia,” ujar Mohd Fuad.

Wakil PPA CAS, Cik Nurulfatin Sunar menyambut rombongan ini di Anjung Tamu dan kemudian mereka dibawa melawat ke sekitar kampus seperti Perpustakaan Sultanah Bahiyah dan Varsity Mall yang serba baru. Peserta rombongan merasa kagum dengan lokasi, prasarana dan lanskap yang dimiliki oleh UUM. Wakil Phimanphitthayasan School turut menyerahkan cenderamata sebagai tanda kenangan kepada wakil PPA CAS.

Sekian.

=====

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni

UUM College of Arts & Sciences

Tel: 049285307 | Faks: 049285310

Emel:cas-sadc@uum.edu.my

Website:http://ppacas.uum.edu.my



Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni



@ppauumcas

=====

